



## MAKLUMAT MEDIA

### “MAQIS TELAH BERJAYA MENGAGALKAN CUBAAN MEMBAWA MASUK 51.87 TAN AYAM SEJUK BEKU”

1. Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) di Port Klang Barat telah melancarkan satu operasi dan berjaya mengagalkan satu (1) cubaan membawa masuk dua buah kontena yang membawa produk ayam sejuk beku dari Hong kong.
2. Produk ayam sejuk beku tersebut diimport tanpa Permit Import MAQIS yang sah dan tidak mematuhi syarat import iaitu tiada Sijil Kesihatan Veterinar dari negara asal dan Sijil Halal.
3. Hasil daripada pemeriksaan lanjut mendapati pengimport cuba mengelirukan pihak berkuasa dengan mengisytihar konsainan yang dibawa sebagai Mee Wantan. Label pada setiap kotak berisi produk ayam sejuk beku tersebut juga menunjukkan konsainan tersebut dikeluarkan daripada loji sembelihan dari negara Brazil dan Poland dimana loji sembelihannya tidak diiktiraf daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Pihak MAQIS telah merampas dan menyita konsainan tersebut yang dianggarkan seberat 51,870 kg dan bernilai RM818,508.60.
4. Perbuatan mengimport produk ayam sejuk beku tersebut tanpa suatu permit yang sah adalah menjadi kesalahan dibawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728], manakala ketidakpatuhan kepada syarat pula adalah suatu kesalahan dibawah Seksyen 15, Akta yang sama. Kedua-dua kesalahan ini boleh didenda di bawah Akta yang sama, dengan denda tidak melebihi RM100,000 atau boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam (6) tahun atau keduanya sekali.
5. Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merupakan sebuah agensi penguatkuasaan kuarantin yang bertanggungjawab memastikan kawalan biosekuriti, jaminan bekalan dan keselamatan makanan negara berasaskan pertanian dan haiwan adalah selamat, berkualiti serta halal demi kesejahteraan rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)**  
**Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani**  
**18 Oktober 2019**

**Pegawai Untuk Dihubungi:**

**Pn. Nurul Nadia Binti Che Mohd Noor**  
**03-8870 8098**  
**nadia@maqis.gov.my**

**En. Mohamad Kaustar Bin Shahrani**  
**010-2470604**  
**kautsar@maqis.gov.my**